



**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN
NEGERI PAHANG**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA : PKPP/SH/2/2026

**PELAWAAN MEMBELI DUA (2) LOT KOSONG
DI DALAM RANCANGAN TANAH PEMUDA (RTP) SEPAYANG,
MUKIM PONTIAN, DAERAH PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

1. Dua (2) Lot Tapak Yang Ditawarkan

Bil.	No. Hakmilik	No. Lot/PT.	Luas
1.	PM 1309	26445	805 MP
2.	PM 1311	26447	768 MP

2. Harga Tawaran

Bil.	Perkara	Luas Kawasan (Ekar)	Harga (Rezab/Lantai) (RM)
1.	Satu Lot Tapak Rumah	± ¼ ekar/lot	15.00/SMP

3. Keutamaan

Permohonan akan dipertimbangkan mengikut keutamaan seperti berikut:-

- a) Anak-anak tempatan/anak peserta/waris peserta rancangan berkenaan yang berkemampuan.
- b) Pegawai/Kakitangan Kerajaan Negeri Pahang yang merupakan anak tempatan.
- c) **Akan bermastautin di rancangan ini.**

4. **Permohonan**

Setiap permohonan bagi memiliki lot tersebut, hendaklah dibuat diatas borang sebut harga **PKPP/SH/2/2026** dengan harga **RM50.00** senaskah yang boleh didapati di pejabat PKPP seperti alamat berikut:-

Alamat :- Bahagian Kewangan,
PKPP Negeri Pahang,
Jalan Gambut, 25990 Kuantan.
Tel : 09-5562455

Pegawai untuk dihubungi :-
(Puan Nor Aslah binti Man)

Pembayaran bagi pembelian borang sebut harga hanya boleh dilakukan secara talian sahaja ke akaun PKPP: **Bank Islam (M) Berhad 06019010006902**. Perlu kemukakan bukti transaksi bayaran semasa mengambil borang sebut harga.

5. **Kaeadah Permohonan**

- a) Satu borang sebut harga hanya untuk memohon satu lot tapak rumah sahaja.
- b) Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantarkan ke alamat di atas **pada atau sebelum 2 Februari 2026 (Isnin)**. (Borang-borang yang lewat dihantar dari tarikh tutup dan tidak lengkap, tidak akan dilayan. Bukti pos tidak boleh dijadikan pengesahan penerimaan.)
- c) Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama **Wang Pertaruhan/Cagaran sebanyak 10%** daripada jumlah harga lot yang dikemukakan dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Deraf atas nama **Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang**. Bayaran dalam bentuk Wang Tunai atau Cek Persendirian tidak diterima. Wang Pertaruhan/Cagaran ini akan diambilkira sebagai sebahagian daripada harga yang ditawarkan bagi yang berjaya dan wang ini akan dikembalikan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup tawaran kepada yang tidak berjaya.
- d) **Hanya borang-borang permohonan yang lengkap dan layak sahaja mengikut keutamaan akan dipilih untuk dipanggil diproses.**
- e) Pemohon yang tidak dihubungi selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap gagal dalam permohonan dan keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.
- f) Lawatan ke tapak bagi meninjau lot-lot berkenaan akan dibuat **pada 19 Januari 2026 (Isnin) jam 10.30 pagi. (Tempat berkumpul di Pejabat PKPP Agro Sdn. Bhd.)** (Pegawai yang boleh dihubungi : Encik Nurul Fakhri bin Hamzah).
- g) Tapak yang ditawarkan adalah sepertimana sedia ada dirancangan berkenaan.

- h) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan (AM 80) untuk menjelaskan bayaran dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh surat tawaran.

6. **Lain-Lain**

- a) Pemohon yang berjaya dalam tawaran ini adalah tidak dianggap peserta RTP Sepayang, Rompin. Oleh yang demikian pemohon tidak layak mendapat apa-apa kemudahan seperti yang diperolehi oleh peserta RPSB berkenaan.
- b) PKPP tidak akan menanggung apa-apa kos berkaitan dengan segala urusan berkaitan lot tapak rumah tersebut dari segi kos pindah milik dan lain-lain kos yang berkaitan dengannya.
- c) Pemohon yang berjaya hendaklah berpuashati dan menerima lot tapak yang ditawarkan sepertimana sedia ada di atas tanah sekarang.
- d) Sekiranya pemohon yang ditawarkan gagal menjelaskan semua bayaran dalam tempoh yang ditetapkan dan melanggar mana-mana syarat tawaran, PKPP berhak menarik balik atau membatalkan tawaran tersebut.
- e) PKPP tidak terikat untuk menerima tawaran yang tinggi atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN PERTANIAN,
NEGERI PAHANG.**

Tarikh : 13 Januari 2026